

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

i-Biaya: Akses Pemilikan Kediaman
bagi golongan B40 dan M40

Kepentingan Penamaan Kumpulan
Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
– Menjamin Kesejahteraan Keluarga Anda

Waspada Terhadap Sindiket
Penipuan Percukaian

Aduan Pengguna: Perkhidmatan
Touch 'n Go (TNG)

**PENGGUNA PERLU BIJAK
KAWAL PEMBELIAN,
ELAK BERBELANJA LEBIH**

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



**GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA**

Isi Kandungan

04 Pengguna Perlu Bijak Kawal Pembelian, Elak Berbelanja Lebih



08 i-Biaya: Akses Pemilikan Kediaman Bagi Golongan B40 Dan M40



11 Kepentingan Penamaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) – Menjamin Kesejahteraan Keluarga Anda



15 Waspada Terhadap Sindiket Penipuan Percukaian



18 Aduan Pengguna: Perkhidmatan Touch 'n Go (TNG)



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603 2698 8044
Sesawang: www.bnm.gov.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd
No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7880 4200 / +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.





Pengguna Perlu Bijak Kawal Pembelian, Elak Berbelanja Lebih

Isu kenaikan harga barangan di negara ini bukanlah suatu perkara yang baharu, ianya berlaku hampir setiap tahun. Malah, isu ini merupakan isu global yang dihadapi di seluruh dunia sejak kebelakangan ini termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kenaikan mendadak harga barangan asas terutamanya barangan mentah seperti ayam, ikan, sayur dan sebagainya, secara tidak langsung memberikan tekanan kos sara hidup dan kesan mendadak kepada komitmen bulanan rakyat. Ini menyebabkan mereka mula mengamalkan gaya hidup berjimat cermat dan menilai setiap sen yang dikeluarkan, meskipun hanya untuk kegunaan barangan keperluan asas.


FOMCA ingin menasihatkan agar rakyat mengubah corak pembelian barangan bagi mengelakkan perbelanjaan secara berlebihan. Berbelanjalah untuk memupuk diri menjadi individu celik kewangan.



Menurut Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA, Dr. Saravanan Thambirajah, harga barangan bergantung kepada permintaan dan penawaran. Kini, lebih ramai golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat kenaikan harga barangan dan kuasa membeli mereka juga turut berkurangan. Malahan, masalah kenaikan harga barangan bukan hanya terletak di "bahu" kerajaan sepenuhnya, sebaliknya pengguna juga perlu memainkan peranan dengan mengubah corak pembelian mereka ke arah yang lebih bijak.

BERIKUT MERUPAKAN BEBERAPA TIP JIMAT BERBELANJA UNTUK PENGGUNA:**SEBELUM MEMBUAT SEBARANG PEMBELIAN**

Pengguna perlu menilai dari segi harga, kualiti, kuantiti dan tawaran alternatif yang berbaloi dengan nilai wang. Malahan, pengguna mesti membuat perbandingan harga barangan apabila membeli-belah. Lazimnya, peniaga yang menjual produk keluaran sendiri akan menawarkan harga yang jauh lebih murah berbanding dengan produk-produk komersial.

**MENGENALI PERBEZAAN DI ANTARA KEPERLUAN DAN KEHENDAK**

Keperluan merupakan sesuatu yang diperlukan untuk kelangsungan hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal manakala kehendak adalah keinginan untuk membeli barangan atau perkhidmatan yang menjadikan hidup lebih selesa. Ini termasuklah makanan di luar kemampuan atau memiliki pakaian berjenama.

Pastikan anda tidak berbelanja dengan berlebihan. Elakkan daripada membeli makanan yang terlalu mahal, tumpukan kepada makanan yang berkhasiat dan berada dalam lingkungan bajet anda sekeluarga. Pengguna harus sedar bahawa perbelanjaan mengikut kehendak boleh menyebabkan anda kehabisan duit dan terpaksa mengikat perut di hujung bulan.

**BERCUCUK TANAM DAN MASAK SENDIRI**

Pengguna boleh mula menanam tanaman sendiri sama ada di belakang rumah, pasu atau mana-mana kawasan bersesuaian. Aktiviti ini bukan sahaja menyihatkan badan, ia juga sedikit sebanyak dapat mengurangkan kos perbelanjaan dapur. Antara tanaman yang sesuai untuk ditanam termasuklah daun pandan, serai dan daun kari.

Selain itu, anda juga digalakkan untuk memasak di rumah dan membawa bekal ke tempat kerja. Selain menjamin tahap kebersihan, ia juga jauh lebih menjimatkan jika dibandingkan dengan membeli makanan di luar.

**MEMPRAKTIKKAN PENJIMATAN ELEKTRIK**

Anda boleh mendidik ahli keluarga supaya sentiasa mengamalkan langkah penjimatan elektrik seperti menutup suis atau mencabut soket apabila tidak menggunakannya dan membeli perkakas elektrik dengan label jimat tenaga. Ini secara tidak langsung dapat menjimatkan bil elektrik rumah daripada melambung tinggi.



MENGAMALKAN KONSEP 5R

Sebagai seorang suri rumah, langkah lain yang boleh menjimatkan kos adalah dengan mengamalkan konsep 5R, iaitu *Reduce* (Mengurangkan), *Reuse* (Guna semula), *Recycle* (Kitar semula), *Refuse* (Tolak) dan *Refine* (Perhalusi).

Reduce - Mengurangkan pembelian barangan yang tidak perlu seperti barangan yang boleh dikongsi beramai-ramai atau membeli makanan dalam kuantiti yang banyak.

Reuse - Menggunakan bahan-bahan terpakai atau yang masih baik untuk menghasilkan sesuatu yang berguna tanpa perlu membeli yang baharu.

Recycle - Mengitar semula bahan-bahan seperti besi, aluminium, tin minuman, botol dan kaca yang boleh dijual kepada peraih kitar semula.

Refuse - Menolak pelawaan atau jemputan untuk menyertai jualan murah dan tawaran hebat terutama ketika musim perayaan dan sebagainya.


Refine - Memperhalusi dengan menyusun semula perbelanjaan bulanan. Senaraikan satu per satu dan nilai semula barangan atau perkhidmatan yang anda rasa tidak penting seperti langganan *Netflix*, *YouTube*, data telefon, panggilan tanpa had dan sebagainya.



MEMBELI BARANGAN SECARA BORONG DAN SEMASA PROMOSI

Apabila anda membeli barangan secara banyak atau pukal semasa promosi, ia sebenarnya memberi keuntungan untuk jangka masa panjang. Selalunya barangan pukal ini lebih murah harganya berbanding pembelian secara runcit atau per unit.

Di samping itu, anda juga boleh mendapatkan barangan dengan harga yang jauh lebih murah apabila tibanya musim promosi seperti Program Jualan Keluarga Malaysia yang diadakan di setiap negeri, jualan pada tarikh-tarikh istimewa atau semasa pembukaan pasar raya baharu. Kini, platform dalam talian juga menawarkan banyak promosi apabila anda membeli melalui platform tersebut.



MENYEDIAKAN BAJET DAN PELAN PERBELANJAAN

Anda boleh mula merangka bajet dan pelan perbelanjaan pada setiap bulan terutama sekali jika anda tidak pernah melakukannya. Peruntukkan perbelanjaan yang perlu setiap bulan termasuklah perbelanjaan makanan dan utiliti, pengangkutan, sewa rumah dan komitmen pinjaman.

Pastikan anda berdisiplin untuk mengikuti bajet yang telah ditetapkan dan belajar untuk ketepikan dahulu barangan atau kemahuan yang tidak mendesak. Ada banyak cara urus gaji yang boleh anda praktikkan di dalam pengurusan kewangan peribadi anda, seperti *formula 50 (keperluan)*, *30 (kehendak)*, *20 (simpanan)* yang dapat membantu anda membahagikan wang pendapatan gaji mengikut keperluan, kehendak dan lain-lain.




JANGAN MENAMBAH HUTANG

Inilah masanya untuk mengkaji semula komitmen pinjaman dan pembiayaan bulanan anda, menyelaraskan bajet perbelanjaan harian dan isi rumah berdasarkan kemampuan pendapatan serta memastikan simpanan boleh bertahan untuk jangka masa yang lama.

Bagi kad kredit, baki tunggakan boleh ditukar kepada pinjaman berjangka dengan kadar faedah lebih rendah. Namun, jika situasi kewangan terkesan, sebaik-baiknya elakkan daripada melonjakkan penggunaan kad kredit, ataupun menambah hutang yang bertimbun.

Keadaan ini hanya akan memudaratkan masalah kewangan anda. Sebagai panduan asas bagi yang terpaksa menerima potongan gaji, elakkan daripada berbelanja seperti biasa dan cuba untuk terokai pilihan lain yang dapat menambah pendapatan dan sentiasa berjimat cermat.



MENGGUNAKAN E-WALLET

Dapatkan lebih banyak keuntungan dan penjimatan apabila anda membuat pembayaran menggunakan *e-wallet*. Kini, wujudnya pelbagai jenis dompet maya atau *e-wallet* yang selamat dan boleh dipercayai di Malaysia seperti *GrabPay*, *Boost*, dan *Touch 'n Go*.

Penggunaannya kian menjadi pilihan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana sifatnya yang mesra pengguna, kepelbagaian platform serta promosi potongan harga istimewa. Kerjasama dengan pelbagai *merchant* dan perkhidmatan membolehkan platform *e-wallet* menawarkan pelbagai *cashback* (balik tunai) dan diskaun menarik yang semestinya akan membuat pengguna tergoda! Inilah yang dikatakan sebagai membeli-belah dengan bijak.

Kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai bantuan seperti subsidi, kawalan harga barang oleh kerajaan dan juga tip penjimatan yang telah diberikan, apa yang penting adalah untuk sentiasa berbelanja secara berhemat kerana kita tidak dapat menjangkakan apa yang bakal berlaku pada masa hadapan. Diharapkan segala cadangan dan nasihat kewangan yang diberikan dapat membantu pengguna di luar sana berjimat cermat tanpa perlu mengikat perut.

Dapatkan maklumat, alatan kewangan yang bersesuaian dengan keperluan anda di platform navigasi [Financial Education Network \(FEN\)](#) serta tip untuk bantu anda dalam uruskan kewangan dengan cara yang lebih baik di halaman [Facebook FEN](#).



i-Biaya: Akses Pemilikan Kediaman Bagi Golongan B40 Dan M40

Bagi menjayakan pelaksanaan matlamat Satu Keluarga Satu Rumah dalam kalangan golongan B40 dan M40, khususnya mereka yang mempunyai kekangan dari segi mendapatkan pembiayaan perumahan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah bersama-sama melancarkan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya).

Inisiatif di antara kedua-dua Kementerian tersebut adalah bagi menzahirkan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap Keluarga Malaysia daripada kumpulan B40 dan M40 akan lebih berkemampuan untuk mendapat akses kepada pembiayaan perumahan dengan lebih mudah. Menerusi inisiatif i-Biaya, isu-isu seperti tahap pendapatan isi rumah, bilangan isi rumah dan juga tahap kemampuan untuk memiliki rumah

pada harga pasaran akan diberi perhatian sewajarnya semasa proses permohonan dijalankan.

Dalam senario biasa, kumpulan ini lazimnya sukar mendapatkan pembiayaan untuk memiliki kediaman. Antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah rekod kredit yang lemah dan tahap risiko yang tinggi untuk menyokong keupayaan pembayaran balik pinjaman perumahan.

Justeru itu, i-Biaya telah menawarkan tiga skim pembiayaan iaitu:

- i. Skim Jaminan Kredit Perumahan yang ditawarkan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) Berhad dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion;
- ii. Skim Rumah Pertamaku (SRP) oleh Cagamas SRP Berhad (Cagamas); dan
- iii. Skim PR1MA *Rent to Own* oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA RTO)

APAKAH SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN (SJKP) DAN SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)?	
SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN (SJKP)	SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)
<p>SJKP memberi sokongan kepada mereka yang tidak mempunyai dokumentasi lazim pinjaman perumahan</p> <p>Contoh: Slip gaji, berpendapatan rendah, penyata KWSP dan sebagainya</p>	<p>SRP membantu pembeli rumah pertama memiliki sebuah rumah tanpa perlu membayar wang pendahuluan</p>
<p>Membantu pembeli rumah pertama bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap</p> <p>Contoh: Pekerja ekonomi gig dan bebas, pemilik perniagaan, peniaga dan usahawan kecil</p>	<p>Membolehkan pembeli mendapat pembiayaan sehingga 110% daripada bank-bank yang terlibat</p>
<p>Peminjam akan mendapat pembiayaan lebih tinggi sehingga 100%</p>	
<p>Tanpa perlu membayar wang pendahuluan</p>	

SIAPAKAH YANG LAYAK UNTUK SKIM INI?	
Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)	SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)
<p>Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas</p>	<p>Terbuka kepada semua warganegara Malaysia</p>
<p>Merupakan pembeli rumah pertama</p>	<p>Merupakan pembeli rumah pertama</p>
<p>Pemohon dengan pendapatan kasar bulanan isi rumah RM1,000 ke atas</p>	<p>Pemohon dengan pendapatan kasar bulanan isi rumah tidak lebih RM10,000 adalah layak bagi pemohon bersama (berdasarkan pendapatan kasar bulanan maksimum tidak lebih daripada RM5,000 bagi setiap pemohon)</p>
<p>Pemohon tiada rekod tertunggak (CCRIS) melebihi 2 bulan bagi tempoh 12 bulan terkini dan tiada lain-lain rekod kredit yang negatif dalam tempoh 24 bulan</p>	<p>Tiada rekod pembiayaan terjejas dalam tempoh 12 bulan serta had umur pemohon adalah bergantung kepada tempoh pembiayaan</p>
<p>Pemohon boleh membuat pembelian rumah kediaman baru, dalam pembinaan, sedia ada atau lelongan</p>	

Apakah Skim PR1MA Rent To Own (RTO)?

PR1MA merupakan antara skim perumahan yang paling popular di Malaysia. PR1MA ialah rancangan perumahan yang menyasarkan isi rumah berpendapatan sederhana (juga dikenali sebagai kumpulan M40).

Lokasi perumahan PR1MA dibangunkan di pusat-pusat bandar yang utama di seluruh negara dengan unit-unit yang ditawarkan pada harga yang berpatutan tanpa menjejaskan kualiti hartanah antara RM100,000 hingga RM400,000.

Kelebihan PR1MA RTO

- Skim pemilikan perumahan berkonsep sewa beli
- Membantu pembeli rumah pertama dan kedua



“Kerajaan yakin bahawa skim jaminan ini juga akan mendorong lebih banyak pemaju untuk menyediakan rumah pada harga mampu milik kerana Cagamas SRP Berhad dan SJKP akan meningkatkan ruang dan peluang pemilikan kediaman khususnya dalam kumpulan B40 dan M40 melalui Skim Rumah Pertamaku dan Jaminan SJKP.”

YB Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

“Ramai rakyat Malaysia yang ingin memiliki kediaman sendiri, dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) dijangka akan memanfaatkan 25,000 pemohon kategori B40 dan M40 dengan anggaran nilai pembiayaan sebanyak RM5.9 bilion untuk tahun ini sahaja. Seterusnya, salah satu faktor yang membolehkan seseorang terus memiliki kediaman sendiri adalah pekerjaan. Sehubungan itu, kerajaan juga komited untuk menyediakan 600,000 peluang pekerjaan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion. Peluang pekerjaan serta peningkatan kemahiran bagi golongan B40 dan M40 ini akan meningkatkan pendapatan isi rumah, seterusnya membolehkan mereka memanfaatkan pelbagai skim pemilikan kediaman melalui Program i-Biaya ini.”

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan



Maklumat lanjut mengenai Program i-Biaya, layari laman web www.kpkt.gov.my

Kepentingan Penamaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) – Menjamin Kesejahteraan Keluarga Anda



Siapa yang boleh membuat penamaan

- Berumur 18 tahun ke atas
- Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap (PR)/Bukan Warganegara (menjadi ahli KWSP sebelum 1 Ogos 1998)

Kepentingan penamaan

- Memendekkan proses pengeluaran
- Mengelakkan sebarang kos dan kerumitan mendapatkan dokumen pihak ketiga dari Pejabat Tanah/Mahkamah
- Memastikan waris mewarisi simpanan anda

Memulakan penamaan

Penamaan boleh dilakukan oleh ahli dengan melengkapkan borang KWSP 4 dan mengemukakan borang tersebut di mana-mana cawangan KWSP di seluruh negara.

Siapa yang boleh anda namakan



Ahli beragama Islam

- Mana-mana individu
- Amanah Raya Berhad (ARB)

*Sebagai Wasi/pentadbir yang bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan ahli yang meninggal dunia kepada waris-waris yang berhak mengikut Undang-Undang Islam.

*Sekiranya ahli memilih untuk menamakan ARB sebagai penama, ARB akan menjadi pentadbir kepada SEMUA (100%) bahagian simpanan ahli.



Ahli bukan beragama Islam

- Mana-mana individu
- Amanah Raya Berhad (ARB)

* Sekiranya ahli memilih untuk menamakan ARB sebagai penama, ARB adalah pentadbir kepada SEMUA (100%) bahagian simpanan ahli.

* Ahli (bukan Islam) juga boleh menamakan ARB sebagai Pemegang Amanah kepada penama yang berumur kurang daripada 18 tahun.

Dokumen yang diperlukan

DOKUMEN	WARGANEGARA MALAYSIA/PR	BUKAN WARGANEGARA (menjadi Ahli KWSP sebelum 1 Ogos 1998)
Borang Penamaan (KWSP 4)	√	√
Salinan Kad Pengenalan/Mykad/ Kad Pengenalan Tentera	√	
Salinan passport yang sah laku		√
Salinan dokumen pengenalan diri penama-penama*	√	√

*Penamaan boleh dikemas kini dari semasa ke semasa dengan mengemukakan Borang Penamaan KWSP 4 yang baru. Penamaan baru akan membatalkan penamaan ahli yang terdahulu.

Memahami proses penamaan

Senario 1

Anda melantik penama/pentadbir (Wasi) bagi membayar dan mengagihkan simpanan KWSP kepada pewarisnya yang sah.



Senario 2

Ahli menamakan dua penama, kedua-duanya berumur 18 tahun ke atas dengan 30% dan 70% bahagian masing-masing. Satu penama meninggal dunia sebelum kematian ahli.



Status penamaan

Sebelum 1 Januari 2017		Selepas 1 Januari 2017	
Penama berumur 18 tahun ke atas	Penama berumur 18 tahun ke bawah	Penama berumur 18 tahun ke atas	Penama berumur 18 tahun ke bawah
<ul style="list-style-type: none"> Penama layak memohon Bayaran akan dibuat kepada penama/ pentadbir (Wasi) 	<ul style="list-style-type: none"> Penama layak memohon apabila mencapai umur 18 tahun Bayaran akan dibuat kepada penama/ pentadbir (Wasi) 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Pengeluaran Kematian perlu dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kematian ahli Bayaran akan dibuat kepada penama/ pentadbir (Wasi) 	<ul style="list-style-type: none"> Penamaan terbatal kecuali penama mencapai umur 18 tahun dalam masa setahun selepas kematian ahli
		<p>Jika tiada permohonan dibuat dalam tempoh setahun</p> <ul style="list-style-type: none"> Penamaan adalah terbatal Waris ahli boleh mengemukakan permohonan mengikut prosedur Pengeluaran Kematian secara tanpa penamaan 	

Salah faham mengenai penamaan KWSP

Mitos	Fakta
Simpanan akan dipindahkan ke Amanah Raya Berhad (ARB) jika tidak dituntut	Simpanan yang masih berada di KWSP hanya akan dipindahkan ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut apabila ahli mencapai umur 100 tahun
Kematian membatalkan keseluruhan penamaan	Hanya bahagian penama yang meninggal dunia sahaja terbatal
Waris perlu menuntut dalam masa 3 hari sahaja, jika tidak, simpanan akan dipindahkan secara automatik ke ARB	Bagi ahli beragama Islam sahaja, penamaan akan terbatal jika penama/ pentadbir (Wasi) tidak membuat permohonan pengeluaran dalam masa 1 tahun dari tarikh kematian ahli

Jika tiada penamaan

Sekiranya ahli tidak menamakan sesiapa sebelum kematian, waris ahli yang layak boleh menghantar permohonan pengeluaran kematian ke pejabat KWSP.


Semakan maklumat penamaan

Semak maklumat penamaan anda di mana-mana cawangan terdekat atau gunakan i-Akaun (Ahli) atau aplikasi mudah alih untuk akses yang lebih mudah dan cepat.

- i-Akaun (untuk ahli berdaftar sahaja)
- Aplikasi mudah alih i-Akaun (Ahli)
- Kunjungi cawangan KWSP berdekatan anda

KWSP sentiasa berusaha untuk memudahkan akses KWSP untuk semua ahli dan majikan. Justeru itu, kesemua pejabat dan kios KWSP boleh didapati di lokasi-lokasi pusat bandar di seluruh negara untuk memudahkan pengurusan KWSP. Selain itu, sekiranya tempat tinggal anda jauh dari lokasi pejabat KWSP, Mobile Team KWSP akan membuat lawatan sepanjang tahun ke lokasi-lokasi terpilih di seluruh negara untuk memberi perkhidmatan.

FOMCA menyarankan agar ahli KWSP dapat mengemaskini maklumat penamaan mereka bagi memudahkan agihan simpanan sekiranya berlaku kematian kelak. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian 03 – 8922600 atau layari laman sesawang di www.kwsp.gov.my.



Amaran! Sindiket Penipuan Percukaian


Waspada Terhadap Sindiket Penipuan Percukaian

Berdasarkan maklumat yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), orang ramai dinasihatkan supaya berwaspada dengan modus operandi sindiket penipuan yang mengaitkan nama LHDNM.

Modus operandi penipuan mengaitkan nama LHDNM

Kes tunggakan cukai/pelarian cukai

- ▶ Mangsa menerima mesej, panggilan telefon, surat atau e-mel daripada sindiket yang memaklumkan bahawa terdapat tunggakan cukai yang masih belum dijelaskan. Seterusnya, mangsa dikehendaki menjelaskan tunggakan cukai tersebut dengan membuat pindahan wang ke akaun bank bukan milik LHDNM.
- ▶ Mangsa dihubungi sindiket yang menyamar sebagai pegawai LHDNM atau pegawai polis memaklumkan bahawa mangsa mempunyai baki cukai tertunggak dan mengarahkan mangsa untuk memuat turun aplikasi palsu dari Bank Negara Malaysia atau berkongsi maklumat peribadi perbankan di laman sesawang palsu yang kononnya milik Bank Negara Malaysia bagi tujuan siasatan.



Pelarian cukai, kegiatan jenayah dan perubahan wang haram

- ▶ Mangsa dihubungi kononnya mangsa terlibat dengan pelarian cukai, jenayah dan perubahan wang haram. Sehubungan itu akaun bank milik mangsa akan disekat di bawah Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).
- ▶ Mangsa kemudiannya akan disambungkan untuk bercakap dengan 'pegawai polis' atau 'pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia' atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap kes mangsa. Ini sebenarnya hanya bertujuan untuk menimbulkan perasaan panik dalam kalangan mangsa. Bagi mengelakkan semua wang dalam akaun milik mangsa dibekukan, mangsa telah diarahkan untuk memindahkan wang tersebut ke akaun bank pihak ketiga yang kononnya akan dipindahkan semula ke akaun milik mangsa apabila 'kes jenayah' mangsa telah selesai.

Lawatan pungutan/audit/siasatan cukai

- ▶ Mangsa menerima kunjungan 'pegawai LHDNM' kononnya untuk memungut cukai atau melakukan audit dan siasatan cukai. Sindiket akan meminta dokumen pendapatan atau perniagaan mangsa dan memaklumkan kononnya mangsa telah salah lapor cukai pendapatan. Mangsa diarahkan untuk membuat pembayaran 'baki cukai tambahan' yang ditaksirkan ke dalam akaun bukan milik LHDNM.



Keuntungan penjualan saham

- ▶ Mangsa menerima surat atau e-mel memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan aktiviti perdagangan saham dengan salah satu syarikat pelaburan dan dikehendaki membuat bayaran tunggakan cukai berdasarkan arahan yang diberikan oleh sindiket penipuan.

Bayaran balik cukai terlebih bayar

- ▶ Mangsa menerima e-mel memaklumkan bahawa mangsa mempunyai cukai terlebih bayar yang akan dipulangkan semula oleh LHDNM. Mangsa diminta untuk klik pada pautan yang disediakan di dalam e-mel palsu tersebut dan arahan akan diberikan agar mangsa mendedahkan butiran akaun bank termasuklah kata laluan perbankan Internet mangsa kononnya bagi membolehkan transaksi bayaran balik lebihan cukai dapat dibuat oleh LHDNM.



Berwaspada! Jangan jadi mangsa

- ▶ Semak dengan LHDNM
 - Panggilan ke HASiL Care Line di talian 03-8911 1000
 - HASiL Live Chat
 - Borang maklum balas di maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/
 - Hadir ke cawangan LHDNM yang berdekatan;
- ▶ Jangan dedahkan butiran perbankan terutamanya kata laluan perbankan Internet;
- ▶ Jangan klik pada pautan yang diterima melalui e-mel yang meragukan;
- ▶ Pastikan bayaran tunggakan cukai dibuat hanya kepada LHDNM;
 - Bayaran Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah kepada **Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN)** atau **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**.
 - Bayaran Duti Setem kepada Pemungut Duti Setem.
- ▶ Jangan muat turun sebarang aplikasi yang diminta oleh pemanggil yang tidak dikenali;
- ▶ Jangan membuat panggilan semula kepada nombor telefon yang tidak dikenali. Semak nombor telefon LHDNM di portal rasmi LHDNM;
- ▶ Semak Rangka Kerja Pungutan Cukai, Rangka Kerja Audit Cukai dan Rangka Kerja Siasatan Cukai dari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Perundangan untuk mengesahkan prosedur sah aktiviti pungutan, audit dan siasatan cukai LHDNM;
- ▶ Pastikan e-mel rasmi LHDNM menggunakan domain @hasil.gov.my.

From: Sabin Bin Samitah <brian.gold@vanderbilt.edu>
Date: 31 October 2017 at 10:03:57 AM MYT
To: Undisclosed recipients;;
Subject: Claim your tax refund

Aduan Pengguna: Perkhidmatan Touch 'n Go (TNG)

Kemudahan perkhidmatan Touch 'n Go (TNG) mula diperkenalkan pada tahun 1997. Kini, pengguna telah beralih kepada penggunaan kad TNG selepas pembayaran tol secara tunai dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2017. Justeru itu, kesemua kenderaan yang menggunakan lebuh raya perlu menggunakan kad TNG, SmartTAG atau TNG RFID Tag. Setakat ini, sebanyak 84 juta kad TNG telah dikeluarkan.

Rata-rata pengguna kini menggunakan kad TNG sebagai pengganti tiket atau token untuk penggunaan pengangkutan awam seperti bas, LRT, MRT, KTM dan ERL. Malahan, terdapat lebih daripada 800 tempat letak kereta di seluruh negara yang telah memanfaatkan penggunaan kad tersebut sebagai peralihan kepada kaedah pembayaran secara tanpa tunai.

Walaupun penggunaan kad TNG semakin meningkat, masih ramai lagi pengguna yang tidak ambil maklum bahawa kad ini mempunyai tarikh luput yang tertera di belakang kad tersebut. Hal ini memberi kesan kepada pengguna, di mana kad TNG yang disimpan berkemungkinan telah luput tarikhnya dan akan memberi kesan kepada perjalanan mereka. Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah menerima lebih daripada 60 panggilan telefon daripada pengguna yang tidak berpuas hati tentang penggunaan kad TNG. Aduan berkaitan perbandingan kad TNG dan ATM (*Automated Teller Machine*) kerap diterima, di mana tarikh luput kad ATM kelihatan lebih jelas dan ditulis pada bahagian hadapan. Pengguna akan sentiasa beringat bahawa kad ATM tersebut perlu diperbaharui setiap kali menggunakannya.



Di samping itu, pihak bank kebiasaannya akan menghantar notis sebagai peringatan untuk memperbaharunya menjelang tarikh luput kad ATM. FOMCA berpendapat pihak TNG perlu mempraktikkan kaedah yang sama untuk mengelakkan sebarang masalah kepada pengguna kad TNG.

Penggunaan kad TNG

Para pengguna juga diingatkan agar menggunakan kad TNG merekasekurang-kurangnya setahun sekali. Ini kerana, kad tersebut akan dikira sebagai tidak aktif dan akan dikenakan denda sebanyak RM5 untuk 12 bulan pertama. Sekiranya kad tersebut tidak aktif selama 18 bulan, denda sebanyak RM5 turut dikenakan untuk 6 bulan yang berikutnya. Bayaran denda ini akan ditolak daripada baki kad TNG pengguna. Sebagai contoh, jika kad TNG mempunyai baki sebanyak RM20, selepas 18 bulan, kad tersebut hanya akan berbaki sebanyak RM10 sahaja.

Oleh itu, untuk mengelakkan kad TNG dikenakan denda, pengguna perlu menggunakannya sekurang-kurangnya setahun sekali. Ramai pengguna mengadu kehilangan wang kerana tidak mengetahui tentang peraturan ini. Pihak TNG haruslah memaklumkan berkenaan bayaran denda tersebut kepada pengguna kad TNG.

Kini, kemudahan kad TNG telah ditambah baik dengan NFC (*Near Field Communication*) untuk membolehkan para pengguna menambah nilai dengan menggunakan aplikasi TNG e-Wallet. Kemudahan ini tertakluk kepada sistem atau ciri-ciri tetapan yang terdapat dalam telefon bimbit pengguna.

Pihak NCCC turut menerima aduan daripada pengguna warga emas yang tidak begitu mahir dalam menggunakan perkhidmatan pembayaran secara digital. Pengguna warga emas lebih selesa menggunakan kad TNG versi lama dan memilih untuk tidak menggantikan kad tersebut dengan versi kad NFC kerana kurang yakin untuk menggunakannya. Beberapa aduan berkenaan kebimbangan dari segi ciri-ciri keselamatan turut disuarakan oleh pengguna warga emas. Ini ekoran daripada isu-isu yang diketengahkan di media, di mana ramai pengguna tertipu dengan *scammer* yang memperolehi data peribadi pengguna secara tidak sah.

Justeru itu, FOMCA ingin menasihatkan pengguna agar sentiasa memantau baki wang di dalam kad TNG dan perhatikan juga tarikh luput yang tertera pada kad tersebut. Sekiranya anda kehilangan kad TNG, laporkan dengan segera kepada pihak TNG untuk membatalkan kad tersebut sama seperti penggunaan kad ATM. FOMCA juga ingin menggalakkan pengguna untuk mendaftarkan kad tersebut atas nama sendiri supaya pengguna boleh menuntut semula lebihan wang dalam kad sekiranya telah hilang atau luput.

PENYAMARAN PANGGILAN LHDN



Saya dari LHDN. Anda mempunyai cukai syarikat yang tertunggak!

Anda terlibat dengan jenayah penggubahan wang haram dan akan ditangkap!

Jangan beritahu sesiapa kerana siasatan adalah di bawa Akta Rahsia Rasmi.

Sila beri kejasama! Berikan **maklumat akaun bank** anda untuk bantu siasatan!



TIPS & NASIHAT

- Jangan LAYAN panggilan telefon dari nombor yang tidak dikenali.
- PUTUSkan panggilan jika berasa takut dan curiga.
- SEMAK dengan pihak LHDN tentang panggilan yang diterima.
- Jangan DEDAHkan maklumat perbankan kepada pihak ketiga.
- Beritahu pasangan, ahli keluarga atau rakan tentang panggilan yang diterima.

